

PM umum struktur gaji baharu penjawat awam bulan depan

Kuala Lumpur: Keputusan penambahan struktur gaji baharu penjawat awam akan diumumkan Perdana Menteri pada perhimpunan Hari Pekerja, awal bulan depan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan mengambil pendirian dan tanggungjawab untuk menyelesaikan isu struktur gaji penjawat awam dengan mengambil kira tekanan kos sara hidup terutama bagi mereka yang berpendapatan rendah.

“Saya ingin tegaskan komitmen kerajaan untuk menyelesaikan usaha menambah baik struktur gaji penjawat awam yang dilaksanakan menerusi Kajian Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), di sebalik ekonomi negara yang mencabar kesan ketidakpastian geopolitik dunia.

“Insya-Allah, cadangan penambahan termasuk usaha

meningkatkan kadar pendapatan bersih penjawat awam akan saya umumkan pada perhimpunan Hari Pekerja nanti,” katanya dalam laman Facebook rasminya, semalam.

Anwar berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (JIKSPA) Bilangan 3 Tahun 2024 semalam, bagi membincangkan lebih lanjut struktur gaji penjawat awam.

Pada mesyuarat berkenaan, beliau berkata, mesyuarat hampir memuktamadkan penambahan struktur gaji baharu penjawat awam, yang seterusnya akan diputuskan pada mesyuarat Jemaah Menteri.

“Usaha kerajaan itu diharapkan menjadi motivasi penjawat awam meningkatkan produktiviti dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat,” katanya.



Anwar mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (JIKSPA) Bilangan 3 Tahun 2024 di Putrajaya, semalam. (Foto Facebook Anwar Ibrahim)